INVC..ams..13/410

# PERWATAKAN WANITA DALAM DRAMA MODEN LAO SHE (1899 - 1966)

YONG KEE PING

TESIS YANG DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA SASTERA

JABATAN PENGAJIAN TIONGHOA
FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA

2000

Perpustakaan Universiti Malaya
A508765957

# PENGHARGAAN

Terdahulu, saya ingin melafazkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Teo Lay Teen. Sepanjang program Sarjana Sastera ini, beliau telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Saya merasa haru juga terhadap dorongan serta usaha gigihnya membaca draf-draf tesis ini, dan mengajukan cadangan yang membina untuk memperbaikinya.

Saya juga berhutang budi kepada dua kawan karib saya iaitu, Chong dan Tai, kerana sokongan dan bantuan mereka sepanjang masa penulisan tesis ini.

Ingin juga saya sujud ke bawah sokongan dan belaian kasih ibubapa saya, kerana menyokong saya melakukan kajian ini.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli keluarga, kawan-kawan dan rakan-rakan sejawat saya kerana sokongan moral mereka telah banyak menguatkan nekad saya untuk menyiapkan tesis ini. Keikhlasan mereka akan sentiasa saya kenangi.

# ABSTRAK

Lao She (1899-1966) merupakan salah seorang penulis agung aliran realisme dalam kesusasteraan Cina moden. Pencapaian dan reputasi beliau dalam bidang kesusasteraan sangat tinggi dan diterima oleh orang ramai. Beliau bukan sahaja menghasilkan novel, sajak, kritikan sastera dan rencana yang bermutu tetapi juga karya drama yang mempunyai nilai kesenian yang tinggi. Salah satu kejayaan beliau dalam karyanya ialah perlukisan watak-watak. Lao She telah berjaya membentukkan watak-watak yang memiliki sifat keperibadian yang istimewa serta hidup dari pelbagai sudut. Objektif utama kajian ini ialah meneliti perwatakan wanita dalam drama moden Lao She.

Bab Pertama merupakan bab pendahuluan bertujuan membantu kita memahami objektif, metod, skop dan struktur kajian ini.

Bab Kedua memberi penekanan kepada hubungan antara kehidupan penulis dan psikologinya dengan skema perwatakan semasa membentuk watak dalam karya beliau. Ini termasuk tinjauan terhadap kehidupan keluarga, didikan dan pengalaman pembelajaran Lao She. Bab ini juga merangkumi dasar dan kaedah penulisan beliau.

Dalam Bab Ketiga hingga Bab Kelima, watak-watak wanita dalam drama Lao She dianalisakan mengikut tiga kategori iaitu: wanita muda, suri rumah tangga dan wanita tua. Tumpuan analisis adalah terhadap pengalaman hidup watak-watak tertentu untuk meninjau jiwa meraka.

Lao She menaruh simpati dan mempunyai harapan yang tinggi terhadap watak-watak wanita yang terdapat dalam dramanya. Walaupun kebanyakan daripada mereka melalui jalan hidup yang susah dan bersikap pasrah kepada takdir tetapi Lao She tetap memberikan sanjungan tinggi kepada mereka yang berupaya membebaskan diri daripada masyarakat tradisi yang berpusatkan lelaki dan hidup berdikari. Lao She juga menegaskan kepentingan perolehan daya kewangan dan reformasi politik dalam usaha mengubah nasib wanita.

# ABSTRACT

Lao She (1899-1966) was one of the greatest realist writers in modern Chinese literature. His achievements had won him high acclaim in the literary world. Apart from his novels, poems, critiques and essays, he was also known for his many excellent dramas, where he showed his talent in character portrayal. Most notably, he succeeded in creating vivid male and female roles with unique individual traits. The focus of this research is the various female characters in Lao She's modern dramas.

Chapter One outlines the objectives, methodology, scope and structure of the research.

Chapter Two focuses on the link between the personal life of Lao She and his psyche in relation to character depiction in his plays. It explores his family life, education and learning experience. It also lays out the bases and techniques of his works.

The female characters in Lao She's modern drama has been grouped into three categories, *viz.* young girls, housewives and old ladies. They are examined and analysed in Chapters Three, Four and Five.

Lao She sympathised with his female characters and had high expectations of them. Although many of them led a tragic life and succumbed to fate, he complimented those who were able to liberate themselves from the traditional patriarchal society to live their lives independently. The writer also emphasised the importance of financial independence and political reformation in bringing change to women's destiny.

# KANDUNGAN


| | Halaman |
|---|---|
| PENGHARGAAN | I |
| ABSTRAK | II |
| ABSTRACT | IV |
| KANDUNGAN | VI |
| **BAB 1: PENGENALAN** | 1 |
| 1.1 Objektif Penyelidikan | 4 |
| 1.2 Metod Kajian | 10 |
| 1.3 Skop Penyelidikan | 12 |
| 1.4 Struktur Tesis | 17 |
| **BAB 2: LAO SHE: LATAR BELAKANG DAN PENULISAN** | |
| 2.1 Latar Belakang | 19 |
| 2.2 Dasar Penulisan | 50 |
| 2.3 Kaedah Penulisan | 63 |
| **BAB 3: WANITA MUDA: LAMA DAN MODEN SECARA KONTRA** | |
| 3.1 Pengenalan | 69 |
| 3.2 Mangsa Keluarga | 73 |
| 3.3 Mangsa Masyarakat | 92 |
| 3.4 Peneroka Alam Percintaan | 106 |
| 3.5 Watak Yang Gigih dan Bersifat Positif | 127 |

**BAB 4: SURI RUMAH TANGGA: INDIVIDU YANG BERPAKSIKAN KAUM LELAKI**

4.1 Pengenalan 148
4.2 Suri Rumah Yang Patuh 152
4.3 Suri Rumah Yang Tertindas 167
4.4 Suri Rumah Tidak Bermaruah 186
4.5 Suri Rumah Yang Berwawasan 192

**BAB 5: WANITA TUA: WARGA DALAM PERUBAHAN ZAMAN**

5.1 Pengenalan 202
5.2 Wanita Tua Konvensional 203
5.3 Wanita Tua Zaman Transisi 209

**BAB 6: KESIMPULAN** 224

**BIBLIOGRAFI** 231